

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

MALAYSIA ada ramai penulis wanita dan pembaca novel juga didominasi kelompok terbabit, tetapi malangnya tiada hadiah khusus untuk mereka, berbanding dunia sastera Barat yang ada pengiktirafan khusus menerusi Hadiah Orange untuk Fiksyen khusus untuk penulis wanita.

Di Britain, dari sembilan hadiah sastera utama, ada satu iaitu Hadiah Orange untuk Fiksyen yang dimulakan pada 1996 bertujuan meraikan kecemerlangan, keaslian dan kehadiran penulis wanita yang berkarya dalam bahasa Inggeris dari seluruh dunia.

Bagaimanapun di Malaysia dari sejumlah hadiah sastera peringkat negeri dan kebangsaan yang dilaksanakan saban tahun, tidak ada walau satu anugerah khusus untuk penulis wanita seolah-olah mereka tidak beribawa apa lagi untuk dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara (ASN), meskipun sudah ada 11 penerima sehingga kini.

Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamarudin, melihat kewajaran mewujudkan hadiah sastera khusus untuk penulis wanita lantaran iklim penulisan tanah air memperlihatkan kebanjiran pengarang wanita.


"Hadiah sastera untuk penulis wanita penting kerana banyak watak wanita dalam karya kelompok terbabit membawa akal budi, unsur insani dan nilai Islami yang utuh, mulia serta bersifat positif berbanding yang dilukis sebahagian besar pengarang lelaki," katanya ketika diminta mengulas persoalan terbabit.

Bagaimanapun Dr Kamariah mengingatkan pengarang wanita, hadiah sastera khusus untuk penulis wanita bukan sebagai medan untuk menyatakan wanita lebih hebat daripada penulis lelaki atau memperlekehkan golongan Adam atas dasar perjuangan feminisme seperti di Barat.

"Ia sekadar menunjukkan wanita juga perlu diberi penghargaan dan sanjungan untuk tampil ke pentas kebangsaan dan antarabangsa agar

Perlukah Hadiah Sastera Wanita?

Malaysia ada ramai pengarang kelompok itu, tetapi penganugerahan mengecewakan



mereka lebih berdaya saing untuk berkarya, malahan sejajar dengan kedudukannya dalam Islam yang diberi peluang sama rata dalam pendidikan dan sebagainya, selagi tidak melanggar syariat agama.

“Hadiah seumpama ini dapat membuka mata badan korporat dan kerajaan untuk membangunkan sastera tanah air kerana karya penulis wanita juga dapat menyuburkan nilai keinsanan dan menjadi teladan berguna untuk mendidik anak bangsa khususnya remaja wanita yang hanyut ditelan asakan modenisasi ketika ini,” tegasnya.

Pensyarah Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Ariff Mohamad, senada dengan Dr Kamariah apabila berpendapat hadiah sastera khusus untuk penulis wanita juga wajar merangkumi penulis novel popular kerana tidak semua naskhah sedemikian memaparkan nilai negatif.

Ariff mengakui Malaysia mempunyai ramai penulis wanita yang bagus khususnya jika pasaran novel popular yang dijadikan sebagai kayu ukuran, tetapi berkemungkinan pihak tertentu terlepas pandang aspek terbabit sedangkan mudah untuk mencari penaja daripada badan korporat yang berkaitan dengan wanita untuk menaja hadiah.

Meskipun Dr Kamariah dan Ariff begitu positif dengan langkah mewujudkan hadiah khusus penulis wanita, penulis Nisah Haron, pula melihatnya sebagai tidak wajar dan kewujudannya dikhuatiri melahirkan keadaan ‘pilih kasih’ dalam dunia sastera tanah air.

“Saya tidak setuju dengan cadangan itu kerana yang perlu dinilai ialah karya dan bukan gender. Mengapa mesti ada dikotomi penulis muda-tua, penulis lelaki-wanita, penulis lama-baru. Apabila seseorang itu menulis, yang dinilai ialah karya dan mereka perlu bertanggungjawab terhadap apa yang dihasilkannya.

“Setiap penulis juga ada khalanya tersendiri. Penulis popular ada pembacanya dan begitu juga penulis sastera. Anugerah, walaupun membangkitkan semangat, dalam masa sama boleh memecahkan kumpulan penulis,” tegasnya.